



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Lembaga Pemantauan Audit Laporan Tahunan **2019**

Rasional muka depan

Reka bentuk muka depan *Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit 2019* diilhamkan daripada *Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2019*. Motif tenunan beralun menggambarkan usaha AOB dalam meningkatkan keyakinan terhadap pasaran modal yang Mudah Diakses, Cekap dan Bertanggungjawab.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menggalakkan amalan kelestarian.
Penerbitan ini dicetak sepenuhnya dengan menggunakan kertas mesra persekitaran.



© Lembaga Pemantauan Audit, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
2020

Alamat
3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon
+603 6204 8900

Laman sesawang
<http://www.sc.com.my/aob>

Faks
+603 6201 1888

Tarikh akhir bagi data yang dinyatakan dalam laporan ini adalah 31 Disember 2019.
Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua rajah, jadual dan carta adalah diperolehi daripada AOB.

PERNYATAAN MISI

Memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi memelihara keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual di Malaysia

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi

BAHAGIAN 1 Memupuk Pengauditan Bebas Berkualiti Tinggi dalam Pasaran Modal

- 11 Pengenalan
- 12 Mengukuhkan Tumpuan Terhadap Pemeriksaan Berasaskan Risiko
- 14 Keputusan Penguatkuasaan yang Tertumpu dan Berkesan
- 16 Komunikasi dan Kerjasama yang Berkesan dengan Pihak Berkepentingan

BAHAGIAN 2 Penyata

- 23 Ahli Lembaga Pemantauan Audit
- 28 Pernyataan Tadbir Urus
- 31 Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit

BAHAGIAN 3 Statistik dan Lain-lain

- 57 Pendaftaran dan Pengiktirafan Juruaudit di Malaysia
- 58 Tindakan Penguatkuasaan
- 60 Akronim dan Singkatan
- 61 Definisi

Perutusan Pengerusi

Saya dengan berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Laporan ini memberikan gambaran keseluruhan aktiviti AOB dan sorotan utama serta kemajuan dalam melaksanakan Pelan Strategik AOB 2017-2020.

MEMUPUK PENGAUDITAN BEBAS BERKUALITI TINGGI MELALUI FUNGSI UTAMA AOB

Kualiti laporan kewangan syarikat yang disokong oleh audit luaran bebas adalah kunci kepada keyakinan pasaran. Dalam memenuhi misi AOB untuk memupuk pengauditan bebas yang berkualiti tinggi ke atas penyata kewangan entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual, AOB menjalankan pemeriksaan ke atas firma audit dan juruaudit berdaftar. Penemuan pemeriksaan AOB, pemerhatian dan analisis selanjutnya akan dibentangkan secara berasingan dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan (AIR) 2019*.

Kualiti audit merujuk kepada fungsi audit yang berkesan dan bebas yang disokong sewajarnya oleh syarikat. Dalam usaha untuk memudahkan komunikasi bermakna antara Jawatankuasa Audit syarikat awam tersenarai (PLC) dan juruaudit mereka, AIR diedarkan kepada Jawatankuasa Audit PLC. AOB juga menganjurkan Perbincangan bersama Jawatankuasa Audit untuk berkongsi dan membincangkan penemuan pemeriksaan dan kemas kini peraturan.



Pada tahun 2019, AOB terus menghantar isyarat yang lantang dengan tindakan penguatkuasaannya, yang terdiri daripada pembatalan pendaftaran, celaan, larangan dan penalti kewangan. AOB mempunyai rangka kerja penguatkuasaan yang kukuh untuk menentukan tindakan penguatkuasaan. Kualiti audit terpakai kepada semua firma audit tanpa mengira saiz firma audit dan ketidakpatuhan piawaian dan peraturan akan mengakibatkan tindakan penguatkuasaan. Di samping itu, AOB tidak akan bertolak ansur dalam pelanggaran etika dan pelanggaran sedemikian oleh juruaudit mungkin mengakibatkan pembatalan pendaftaran.

MAJU KE HADAPAN

Dalam usaha untuk terus mengikuti persekitaran ekonomi semasa dan isu-isu yang baru muncul, AOB terus berinteraksi dengan pengawalselia domestik dan antarabangsa serta pihak berkepentingan lain dalam ekosistem pelaporan kewangan. AOB juga akan meneruskan penglibatannya dengan juruaudit dengan mengadakan sesi dialog tahunan dengan juruaudit PIE dan kumpulan wang jadal.

Untuk menggalakkan akauntabiliti dan menegakkan kualiti audit dalam kalangan firma audit, AOB memperkenalkan Pelaporan Ketelusan Tahunan bagi firma audit yang mempunyai lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dan jumlah permodalan pasaran klien PIE firma audit hendaklah melebihi RM10 bilion. Bermula pada tahun 2020 firma audit dikehendaki mendedahkan struktur undang-undang dan tadbir urus firma audit, langkah-langkah yang diambil oleh firma audit untuk menegakkan kualiti audit dan mengurus risiko serta maklumat mengenai ukuran petunjuk kualiti audit dalam laporan ketelusan mereka. Pada masa akan datang, laporan ketelusan akan menyediakan maklumat yang relevan untuk pertimbangan, penilaian dan pelantikan juruaudit oleh lembaga pengarah dan pemegang saham.

PENGIKTIRAFAN

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada ahli lembaga untuk komitmen dan bimbingan mereka dalam memastikan AOB terus maju ke arah memenuhi misinya.

Pada tahun ini, Dato' Zahrah Abdul Wahab Fenner meletak jawatan sebagai Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif pada 1 Julai 2019, manakala Eugene Wong Weng Soon dan Wong Chong Wah menyempurnakan terma berkanun mereka sebagai Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif pada 31 Disember 2019. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka atas sumbangan dan bimbingan mereka, dan mengharapkan yang terbaik untuk usaha mereka pada masa hadapan.

Keupayaan AOB dicapai dengan bantuan daripada pengawalselia kami, badan-badan perakaunan profesional dan pihak berkepentingan yang lain. Saya ingin berterima kasih kepada mereka atas sokongan berterusan ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada pihak pengurusan dan kakitangan AOB yang telah memberikan komitmen dan dedikasi mereka untuk memastikan kami terus maju berlandaskan strategi yang diguna pakai.



DATO' GUMURI HUSSAIN

BAHAGIAN



BAHAGIAN



MEMUPUK PENGAUDITAN BEBAS BERKUALITI TINGGI DALAM PASARAN MODAL



Pengenalan

Lembaga Pemantauan Audit (AOB), yang ditubuhkan menurut *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA)*, menyokong usaha Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk mengawal selia juruaudit entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual untuk menggalakkan perlindungan pelabur serta memelihara keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit PIE dan kumpulan wang jadual.

Pemantauan kawal selia AOB dilaksanakan secara meluas melalui fungsi teras seperti di bawah:

- Pendaftaran dan pengiktirafan;
- Pemeriksaan ke atas audit PIE dan kumpulan wang jadual; dan
- Penguatkuasaan piawaian etika dan pengauditan.

AOB telah mengamalkan satu pelan strategik yang menghubungkan fungsi utama dengan aktiviti untuk mencapai misinya. Dalam tahun kedua akhir Pelan Strategik AOB 2017-2020, AOB tetap memperkasakan tumpuannya terhadap pemeriksaan berasaskan risiko ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual dan tindakan

penguatkuasaan dilaksanakan ke atas juruaudit atas ketidakpatuhan piawaian pengauditan dan/atau etika.

Usaha memupuk audit berkualiti tinggi memerlukan semua pihak berkepentingan untuk memainkan peranan mereka dengan berkesan. Dalam hal ini, AOB meneruskan usaha untuk menggalakkan penambahbaikan dalam kualiti audit dan penekanan diberi terhadap komunikasi dan kerjasama berkesan dengan pihak berkepentingan melalui inisiatif seperti menganjurkan sesi bersama jawatankuasa audit dan pengurusan PIE, pengawal selia dan juruaudit.

Sorotan aktiviti tahun 2019 terhadap pencapaian tema strategik dilaporkan dalam seksyen berikut.

PLAN STRATEGIK AOB 2017 – 2020



Sumber: AOB

MENGUKUHKAN TUMPUAN TERHADAP PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

AOB menjalankan pemeriksaan lazim ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual untuk menggalakkan audit berkualiti tinggi penyata kewangan teraudit yang andal.

Dalam membangunkan dan melaksanakan program pemeriksaannya, AOB mengamalkan pendekatan berasaskan risiko yang mempertimbangkan kesan suatu kegagalan audit

terhadap pasaran modal dan keyakinan awam. Program pemeriksaan AOB juga menggabungkan semakan tematik ke atas bidang yang berpotensi menjadi kebimbangan yang memerlukan perhatian segera AOB.

Maklumat lanjut mengenai program pemeriksaan, termasuk pemerhatian pemeriksaan yang umum, keputusan semakan tematik, analisis trend dan usaha pemulihan yang diambil oleh firma audit yang diperiksa akan dibentangkan secara berasingan dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB (AIR) 2019*.

LIPUTAN PEMERIKSAAN 2019

Firma Audit Utama			
			
2017	6	18	19
2018	6	16	16
2019	6	18	18

Firma Audit Lain			
			
2017	4	7	8
2018	7	11	13
2019	7	12	12

	Bilangan firma audit
	Bilangan juruaudit individu
	Bilangan tugas audit

Sumber: AOB

Sorotan Pemeriksaan 2019

- Melaksanakan pemeriksaan kerap dengan menumpukan kepada trend ekonomi, kebimbangan pasaran dan perkembangan dalam bidang audit, perakaunan dan kawal selia berikut:



Sumber: AOB

- Meningkatkan liputan bagi pemeriksaan tugas audit institusi kewangan berhubung penggunaan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9 Instrumen Kewangan*.
- Menjalankan beberapa pemeriksaan khas sebagai tindak balas kepada risiko baru muncul pada masa yang tepat.
- Tindakan yang diambil pada 2019 termasuk:
 - Mengenakan syarat terhadap firma audit dan juruaudit individu tertentu yang diperiksa (termasuk rakan kongsi penyemak kawalan kualiti tugas (EQCR)) sebagai langkah interim apabila timbul kebimbangan ketara mengenai kualiti audit;
 - Mengenakan langkah pemulihan khusus terhadap firma audit dan juruaudit individu tertentu yang diperiksa;
 - Merujuk firma audit dan juruaudit individu tertentu yang diperiksa, termasuk rakan kongsi EQCR ke Jabatan Penguatkuasaan kerana hasil pemerhatian pemeriksaan yang sangat serius; dan
 - Berkongsi pemerhatian pemeriksaan dengan PIE yang relevan terutamanya apabila timbul kebimbangan ketara mengenai kualiti audit dan ia perlu ditangani segera oleh PIE terbabit.
- Melalui penerbitan *Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2018*, AOB amat menggalakkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Auditnya agar memahami dan membincangkan pemerhatian serta trend pemeriksaan dengan juruaudit masing-masing untuk memastikan bahawa bidang risiko khusus kepada entiti mereka ditangani dengan secukupnya. Untuk memastikan Jawatankuasa Audit memperoleh maklumat yang dikongsi dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan*, AOB mengagihkan laporan tersebut kepada semua syarikat awam tersenarai (PLC) untuk memudahkan dan meningkatkan komunikasi dan pembabitan bersama antara Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa Audit dengan juruaudit mereka.

PELAPORAN KETELUSAN TAHUNAN

Untuk menggalakkan akauntabiliti dan menegakkan kualiti audit dalam kalangan firma audit, AOB telah memperkenalkan Pelaporan Ketelusan Tahunan untuk firma audit yang mempunyai lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dan jumlah permodalan pasaran pelanggan audit PIE firma audit hendaklah melebihi RM10 bilion. Bermula 2020, firma audit dikehendaki mendedahkan struktur undang-undang dan tadbir urus, langkah-langkah yang diambil untuk menegakkan kualiti audit dan mengurus risiko, dan maklumat mengenai ukuran penunjuk firma untuk kualiti audit dalam laporan ketelusan mereka. Ini akan menyediakan maklumat yang berkaitan kepada lembaga pengarah dan pemegang saham untuk dipertimbangkan dalam penilaian dan pelantikan juruaudit.

KEPUTUSAN PENGUATKUASAAN YANG TERTUMPU DAN BERKESAN

Juruaudit yang berdaftar dengan AOB hendaklah mematuhi keperluan yang berkaitan dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia, iaitu, *Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan dan Undang-Undang Kecil Institut Akauntan Malaysia (MIA) mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional* (Undang-Undang Kecil MIA) serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

AOB terus menghantar isyarat tegas kepada juruaudit yang berdaftar dan pihak berkepentingannya bahawa ketidakpatuhan terhadap piawaian pengauditan dan etika dianggap serius dan tindakan yang bersesuaian akan diambil sekiranya perlu. Pada 2019, tindakan AOB merangkumi pembatalan pendaftaran kepada sekatan dan penalti monetari.

AOB mengamalkan pendekatan penguatkuasaan strategik di mana prinsip berkadaran, kecekapan dan keputusan yang AOB inginkan dipertimbangkan

sebelum sebarang sekatan dikenakan ke atas juruaudit. Dalam menentukan jenis sekatan yang akan dikenakan bagi mana-mana pelanggaran, AOB mengambil kira sifat dan keseriusan kesalahan, rekod kawal selia terdahulu dan faktor pengurangan yang lain.

AOB mempunyai proses dalaman yang mantap untuk memastikan bahawa tindakan penguatkuasaan berpadanan dengan pelanggaran dan selaras dengan objektif AOB dalam melindungi pasaran modal daripada risiko kegagalan audit dan menambah baik kualiti audit PIE dan kumpulan wang jadual.

AOB menyedari bahawa larangan untuk menerima dan mengaudit pelanggan PIE dan kumpulan wang jadual memberi kesan kewangan dan perniagaan kepada firma. Justeru, larangan adalah alat penguatkuasaan yang tidak boleh dipandang ringan, dan ia menggambarkan tahap keseriusan pelanggaran.

Bergantung kepada isu yang perlu ditangani termasuk isu kapasiti berbanding keupayaan, AOB mempunyai kuasa dan budi bicara untuk menetapkan jenis dan tempoh larangan. Sebagai contoh, firma dibenarkan

SOROTAN PENGUATKUASAAN PADA 2019




Membatalkan pendaftaran seorang juruaudit individu kerana melanggar keperluan pengiliran rakan kongsi audit utama di bawah *Undang-undang Kecil MIA* dan menyekat sebuah firma daripada menambah pelanggan PIE dan kumpulan wang jadualnya dan mengenakan penalti monetari. Firma itu juga dikehendaki membuat perjanjian dengan AOB bahawa ia akan menilai dan membina keupayaan dalam firmanya.



Melarang firma dan rakan kongsi tugasan daripada menerima sebagai pelanggan dan mengaudit penyata kewangan PIE dan kumpulan wang jadual selama 12 bulan yang terdiri daripada beberapa kes pelanggaran terhadap keperluan **Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA)**, pemerhatian dan bukti yang berulang berkaitan isu kapasiti dan keupayaan.



Melarang penyemak kawalan kualiti tugasan daripada menerima sebagai pelanggan dan mengaudit penyata kewangan PIE dan kumpulan wang jadual selama 12 bulan kerana gagal melaksanakan tanggungjawab pemantauan secara berkesan.



Penalti monetari dikenakan ke atas firma dan rakan kongsi tugasan kerana kegagalan audit

Sumber: AOB

untuk mengekalkan pelanggan sedia ada tetapi dilarang daripada menerima pelanggan baharu atau firma boleh dilarang daripada menerima dan mengaudit mana-mana pelanggan.

AOB juga terus menekankan kepentingan peranan rakan kongsi EQCR dalam kawalan kualiti sesuatu audit. AOB telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap rakan kongsi EQCR yang gagal melaksanakan tanggungjawab pemantauan secara berkesan. Tindakan terhadap rakan kongsi EQCR hanya diambil dalam kes-kes di mana kegagalan besar dikenal pasti semasa audit, yang sepatutnya dikenal pasti dan ditangani oleh mana-mana EQCR yang berpengalaman.

Juruaudit yang tidak bersetuju dengan keputusan AOB boleh membuat rayuan kepada SC dan jika tidak berpuas hati, mereka boleh menggunakan alternatif undang-undang. Pada 2019, firma dan juruaudit yang telah dikenakan sekatan telah memulakan semakan kehakiman dan prosiding undang-undang lain terhadap SC dan AOB bagi tindakan penguatkuasaan yang diambil. Kes-kes tersebut sedang menunggu perbicaraan di Mahkamah.

AOB sentiasa menyedari akan kesan tindakannya terhadap reputasi dan kerjaya profesional juruaudit dan disebabkan itu, AOB memastikan bahawa proses penguatkuasaan adalah mantap dan mampu menghadapi sebarang cabaran. AOB juga berpegang teguh pada prinsip keadilan asasi dan memberikan peluang yang banyak kepada juruaudit untuk



mempertahankan kedudukan mereka dan membentangkan kes mereka.

Sebagai gambaran keseluruhan pengurusan kes penguatkuasaan AOB, jadual di bawah menunjukkan rujukan yang diterima, diselesaikan serta kes tertunggak pada 31 Disember 2019.

PENGURUSAN KES: BILANGAN RUJUKAN, KES SELESAI DAN TERTUNGGAK BAGI TAHUN YANG BERKENAAN

Tahun	Bil. Rujukan untuk Prosiding Penguatkuasaan	Bil. Kes yang telah Selesai Sebelum 2019	Bil. Kes yang telah Selesai pada 2019	Bil. Kes yang Tertunggak Setakat Disember 2019
2016	4	1	3	-
2017	1	-	-	1*
2018	16	10	6	-
2019	12	-	4	8

* Perkara ini masih tertangguh disebabkan oleh timbulnya fakta-fakta tambahan yang memerlukan pengembangan skop penguatkuasaan.

Sumber: AOB

KOMUNIKASI DAN KERJASAMA YANG BERKESAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

AOB memperluaskan usahanya yang lalu untuk menggalakkan peningkatan kualiti pelaporan kewangan melalui pembabitian bersama pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia, di peringkat serantau dan global.



PENGARAH DAN PENGURUSAN

Dua sesi perbincangan telah diadakan dengan Jawatankuasa Audit untuk berkongsi pemerhatiannya melalui pemeriksaan dan cara Jawatankuasa Audit boleh memainkan peranan menyokong proses audit dan meningkatkan kualiti audit. Dalam sesi tersebut, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) juga hadir untuk berkongsi pandangan mereka.

AOB juga mengambil bahagian dalam perbincangan meja bulat yang dianjurkan oleh ACCA dengan pengamal dan bukan pengamal audit, mengenai usaha untuk merapatkan jurang jangkaan dalam audit, yang merupakan salah satu cabaran bagi profesion audit ketika ini yang paling banyak dibangkitkan.



PENGAWAL SELIA

AOB berkongsi perkembangan dan pandangan dari segi kawal selia Malaysia dalam pelbagai mesyuarat dan bengkel Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR), Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG), dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) Asia sepanjang tahun ini. Acara-acara ini adalah forum penting kepada pengawal selia untuk membincangkan amalan terbaik, masalah lazim yang dihadapi dan membina peningkatan konsistensi dalam pengawalseliaan audit merentasi bidang kuasa, di samping memupuk kerjasama yang lebih baik antara negara anggota.



JURUAUDIT

Pada 2019, AOB telah menganjurkan Mesyuarat Tahunan AARG yang melibatkan perbincangan antara pengawal selia dan pemimpin serantau dari beberapa firma audit utama. Acara tersebut menyediakan saluran bagi dialog konstruktif antara pengawal selia dengan juruaudit mengenai cara menangani cabaran lazim dalam landskap pengauditan.

Pada 2019, AOB memperkenalkan rangka kerja Pelaporan Ketelusan yang bertujuan memberi penekanan kepada Penunjuk Kualiti Audit (AQI) dalam menilai kualiti audit. Dalam merumus rangka kerja tersebut, AOB dan firma audit yang lebih besar bersama-sama mencari cara praktikal untuk membentangkan maklumat tersebut kepada orang ramai.

SEKILAS PANDANG PEMBABITAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA PADA 2019

MAC



Bengkel Pemeriksaan IFIAR 6 - 8 Mac 2019

AOB berkongsi perkembangan dan pandangan kawal selia Malaysia dalam sesi pengalaman praktikal pengawal selia audit di Bengkel Pemeriksaan IFIAR ke-13 di Paris. Bengkel tahunan anjuran The Haut Conseil du Commissariat aux Comptes (H3C), dianjurkan dan disasarkan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti pemeriksaan.

APRIL

Bengkel Pemeriksaan AARG 1 dan 2 April 2019

Topik utama yang dikongsi dalam Bengkel Pemeriksaan AARG yang berlangsung di Singapura adalah perkembangan kawal selia Malaysia, rangka kerja penguatkuasaan dan pemerhatian analisis data AOB serta pemerhatian *Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti (ISQC) 1*. Bengkel pemeriksaan anjuran Autoriti Pengawalseliaan, Perakaunan dan Korporat Singapura (ACRA) membincangkan perkongsian pengetahuan dan pertukaran pengalaman pemeriksaan dalam kalangan pengawal selia di rantau ini.

MEI

Mesyuarat Pleno Tahunan IFIAR 30 April - 2 Mei 2019

Mesyuarat Pleno Tahunan IFIAR 2019 yang bertemakan "The Evolving World of Audit" telah dianjurkan oleh Lembaga Pemantauan Perakaunan dan Pengauditan Hellenic dan diadakan di Rhodes, Greece. Perbincangan mesyuarat bertumpu kepada isu-isu semasa berkaitan profesion dan pengawal selia audit, termasuk pengajaran oleh pengawal selia dalam mengurus cabaran dan menganalisa cadangan perubahan dalam bidang kuasa lain.

JULAI



Mesyuarat Tahunan AARG 17 dan 18 Julai 2019

AOB menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Tahunan AARG ke-9. Lebih daripada 100 peserta menghadiri mesyuarat tersebut termasuk ACRA Singapura, SEC Thailand, PPPK Indonesia dan SEC Filipina serta pemimpin serantau daripada firma Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC) iaitu BDO, Deloitte, Ernst & Young, Grant Thornton, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.

Dalam AARG amalan terbaik telah dikongsi untuk memastikan ketekalan dalam pendekatan kawal selia audit di rantau ini. AARG berbangga dengan amalan kerjasama dalam kalangan negara anggota dan pembabitin kerap bersama firma GPPC di rantau ini dalam usaha meningkatkan kualiti audit.

Mesyuarat tahunan tersebut merupakan platform untuk berkongsi idea, cadangan, pengalaman dan perkembangan kawal selia bidang kuasa masing-masing, termasuk pengenalan rangka kerja kawal selia audit oleh SEC Filipina, anggota terbaru AARG.

OGOS



Perbincangan AOB dengan Firma Audit Besar 9 Ogos 2019

AOB menganjurkan Perbincangan dengan lapan firma audit yang lebih besar untuk Pelaporan Ketelusan Tahunan bagi firma yang mengaudit PIE di Malaysia.

OKTOBER



Forum Audit CAANZ-MICPA 17 Oktober 2019

AOB berkongsi isu mencabar yang kini memberi kesan kepada pengamal audit di forum yang bertemakan, 'Masa Hadapan Audit'. Forum Audit tersebut adalah anjuran Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Akauntan Berkanun Australia dan New Zealand (CAANZ).

NOVEMBER



Perbincangan dengan Jawatankuasa Audit 8 dan 22 November 2019

AOB menganjurkan Perbincangan dengan Jawatankuasa Audit yang dihadiri oleh Jawatankuasa Audit PLC. Objektif acara tersebut adalah untuk membentangkan inisiatif terkini AOB dalam bidang pengauditan yang akan mempengaruhi peranan Jawatankuasa Audit untuk meningkatkan dan menambah baik kualiti audit di Malaysia.



Forum mengenai ISQM 11 November 2019

Dalam Forum yang bertajuk 'ISQM: Tsunami Perubahan bagi Juruaudit?' anjuran MICPA. AOB berkongsi pandangan dan jangkaan *Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti 1* (ISQM) Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB).



Sidang Meja Bulat: Merapatkan Jurang Jangkaan Audit 20 dan 21 November 2019

Pandangan diberikan oleh AOB kepada pengamal audit dan bukan pengamal dalam perbincangan meja bulat yang dianjurkan oleh ACCA, meliputi jurang jangkaan dalam audit terutamanya pemerhatian umum pemeriksaan.



Perbincangan Meja Bulat OECD-ASIAN 27 dan 28 November 2019

Di sidang meja bulan ini AOB membincangkan pencapaian terkini, cabaran dan keutamaan pada masa hadapan di Malaysia berkaitan rangka kerja tadbir urus korporat serta perkembangan piawaian perakaunan dan pengauditan, kebebasan juruaudit dan pemantauan pengawalseliaan. Perbincangan Meja Bulat tersebut dianjurkan oleh OECD dan Lembaga Sekuriti dan Bursa India (SEBI) sebagai tuan rumah dengan sokongan kewangan daripada Agensi Perkhidmatan Kewangan Jepun.

BAHAGIAN

2

BAHAGIAN

2

PENYATA



Ahli Lembaga Pemantauan Audit



AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



Dato' Gumuri Hussain

Dilantik Pengerusi Eksekutif pada 18 November 2016

Diubah jawatan Pengerusi Bukan Eksekutif pada 24 November 2017

Dato' Gumuri Hussain merupakan Ahli Lembaga Pengarah SC dari 2006 sehingga 2016 dan Ahli Bukan Eksekutif AOB dari 2012 sehingga 2016. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif pada 18 November 2016 dan telah diubah jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 24 November 2017.

Dato' Gumuri mempunyai pengalaman selama 46 tahun dalam bidang audit, perakaunan dan sektor korporat. Beliau pernah menjawat Rakan Kongsi Kanan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau pernah menjadi Pengerusi SME Bank dan Pengerusi Bukan Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Bhd dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Bhd. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia Bhd. Beliau pernah memegang jawatan dalam pelbagai PLC termasuk Media Prima Bhd, Malaysian Airline System Bhd dan Metrod Bhd.

Dato' Gumuri merupakan Felo Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW), Akauntan Bertauliah MIA dan ahli MICPA.



Alex Ooi Thiam Poh

Dilantik Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017

Alex Ooi Thiam Poh merupakan Pegawai Eksekutif Lembaga Pemantauan Audit, SC yang terkini. Sebelum menyertai AOB, beliau ialah rakan kongsi audit BDO Malaysia.

Alex kini terlibat dengan Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan (AASB) MIA dan Jawatankuasa Pemakaian dan Pelaksanaan MFRS (MAIC) MASB. Alex bertindak sebagai Penasihat kepada MASB dan juga mewakili SC sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pelesenan Audit Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau kini merupakan Ahli Majlis MIA.

Sebelum ini, beliau merupakan Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia pada 2013 dan 2014. Beliau pernah terlibat dalam Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC), Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal dan Jawatankuasa Pendidikan MIA. Beliau adalah mantan ahli Jawatankuasa Penasihat Amalan Awam CPA Australia di Melbourne, Australia.

Alex ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo CPA Australia dan ahli ICAEW. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Monash University, Australia.



Eugene Wong Weng Soon

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Mac 2016**

Eugene Wong Weng Soon merupakan Pengarah Urusan Kewangan Korporat dan Pelaburan, SC dan bertanggungjawab bagi hal-hal berkaitan dengan Kewangan Korporat dan Pelaburan yang merangkumi IPO, Penerbitan Hutang Swasta, Skim Pelaburan Kolektif dan Pengambilalihan. Beliau juga bertanggungjawab ke atas hal-hal perakaunan dan juga menyelia inisiatif SC berkaitan ASEAN dan merupakan Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja Kewangan Hijau Forum Pasaran Modal ASEAN.

Eugene berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Beliau juga pernah menjadi Ahli Majlis MIA dan Pengerusi Lembaga Piawaian Etika MIA.

Eugene pernah berkhidmat dengan bank saudagar, firma pembrokeran saham dan di bahagian audit dan kewangan korporat firma perakaunan antarabangsa.

Eugene ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo Akauntan Bertauliah Australia dan New Zealand serta Felo CPA Australia. Beliau mempunyai kelulusan Diploma Lanjutan dalam Kewangan Korporat dari ICAEW dan B. Comm. dari University of Melbourne.

*Mengakhiri tempoh khidmat berkanun sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 31 Disember 2019.



Hew Ee-Lu

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 5 Oktober 2018

Hew Ee-Lu mempunyai pengalaman pengawalseliaan selama hampir 20 tahun dalam sektor perkhidmatan kewangan. Sebagai aktuari terlatih di Bank Negara Malaysia (BNM), beliau terlibat dalam membangunkan rangka kerja kecukupan modal bagi sektor insurans, melaksanakan pembaharuan dalam pasaran insurans domestik dan menyediakan khidmat nasihat teknikal bagi pelbagai inisiatif dasar. Dalam peranannya sekarang sebagai Pengarah Jabatan Penyeliaan Insurans dan Takaful, beliau bertanggungjawab terhadap pengawasan berhemat syarikat insurans dan pengendali takaful di Malaysia.

Beliau ialah Felo Institut Aktuari UK dan menamatkan pengajian dari London School of Economics dan Cass Business School.



Wong Chong Wah

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 April 2016**

Wong Chong Wah ialah rakan kongsi di Wong & Wong. Beliau mempunyai lebih daripada 40 tahun pengalaman undang-undang dalam bidang seperti litigasi dan penyelesaian pertikaian alternatif, undang-undang korporat dan perkongsian, percukaian, duti kastam & eksais, pengambilan tanah, insurans dan fitnah. Beliau berkhidmat sebagai peguam di Malaysia, Singapura dan Brunei. Beliau telah dinobatkan sebagai salah seorang litigator komersial terkemuka oleh International Who is Who's of Commercial Litigation selama beberapa tahun.

Beliau bertindak sebagai peguam kepada hakim Mahkamah Persekutuan dalam Tribunal Perlembagaan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai wakil tunggal Malaysia di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa bagi Dewan Perniagaan Antarabangsa dari 2004 sehingga 2012. Beliau menganggotai panel penimbangtara Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (dahulunya dikenali sebagai Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur) dan Dewan Perniagaan Antarabangsa Malaysia.

Beliau merupakan Felo Institut Cukai Bertauliah Malaysia. Beliau adalah ahli panel Jawatankuasa Tatatertib Majlis Peguam. Beliau juga pernah menjadi ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia dari 2008 sehingga 2016.

*Mengakhiri tempoh khidmat berkanun sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 31 Disember 2019.



Dato' Darawati Hussain

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 April 2016

Dato' Darawati Hussain ialah Pengarah Syalin Sdn Bhd. Beliau pernah memegang jawatan Pengarah, Dana dan Perhubungan Pelabur Bersama di Bahagian Strategi dan Pelaburan Strategik Kumpulan, Kumpulan CIMB (Malaysia).

Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam kewangan korporat, pengurusan aset dan ekuiti swasta. Beliau pernah berkhidmat sebagai pengurus portfolio ekuiti Eropah bagi syarikat pengurusan dana AS dengan aset di bawah pengurusan bernilai AS\$70 bilion.

Dato' Darawati ialah Pengerusi RHB Private Equity Holdings Sdn Bhd dan sebagai Pengarah Bebas Magna Prima Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd dan RHB Investment Bank Bhd. Beliau juga merupakan Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad.

Dato' Darawati ialah mantan Pengerusi Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia dan ahli jawatankuasa Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia di bawah naungan SC.

Beliau memiliki ijazah sarjana muda dalam Ekonomi dan Perakaunan dari Durham University, UK dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari London Business School, UK. Beliau juga seorang Penganalisis Kewangan Berkanun.

PERNYATAAN TADBIR URUS

MENGENAI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

AOB telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu SC melaksanakan peranan kawal selianya melalui pengawalseliaan juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual untuk meningkatkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit. AOB juga menjalankan pemantauan terhadap mana-mana pihak yang menyediakan laporan yang berkaitan dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, yang berkaitan dengan aktiviti pasaran modal.

Tanggungjawab, kuasa dan autoriti AOB dinyatakan dalam Bahagian IIIA SCMA.

AHLI LEMBAGA AOB

SC melantik ahli Lembaga AOB. Ahli Lembaga AOB terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif dan 5 orang Ahli Bukan Eksekutif lain yang merupakan wakil daripada pengawal selia, iaitu BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM), profesion perundangan dan sektor swasta. Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Profil Ahli Lembaga AOB dipaparkan di halaman 24 sehingga 27.

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB dilantik untuk tempoh 3 tahun dan layak untuk dilantik semula setelah tamat tempohnya, manakala ahli-ahli Bukan Eksekutif Lembaga dilantik untuk tempoh 2 tahun dan layak untuk lantikan semula.

Seseorang akan hilang kelayakan untuk memegang jawatan ahli Lembaga Pengarah AOB sekiranya beliau:

- Disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang;
- Diisytiharkan muflis;
- Gagal menghadiri mesyuarat Lembaga AOB 3 kali berturut-turut tanpa kebenaran; atau
- Tidak mampu melaksanakan tugasnya.

SCMA menghendaki ahli Lembaga untuk menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga AOB. Setelah penzahiran dibuat, beliau:

- Tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga AOB atau jawatankuasanya; dan
- Tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk korum Lembaga AOB atau jawatankuasanya yang berkaitan.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA AOB

Lembaga AOB bertanggungjawab membantu SC dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCMA.

Tanggungjawab Lembaga AOB termasuk:

- Melaksanakan dasar dan program bagi memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia;
- Mendaftar atau mengiktiraf juruaudit PIE atau kumpulan wang jadual menurut SCMA;
- Mengarahkan MIA supaya menubuhkan atau menerima pakai, atau melalui kedua-duanya, piawaian pengauditan dan etika yang hendaklah dipakai oleh juruaudit;

- Menjalankan pemeriksaan dan program pemantauan ke atas juruaudit berdaftar untuk menilai tahap pematuhan piawaian pengauditan dan etika;
- Menjalankan siasatan dan mengenakan sekatan yang sesuai terhadap juruaudit berdaftar yang tidak mematuhi piawaian pengauditan dan etika;
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi bagi penambahbaikan tahap penzahiran kewangan PIE atau kumpulan wang jadual;
- Berhubung dan bekerjasama dengan badan pemantauan di luar Malaysia untuk menambah baik kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa;
- Menjalankan pemeriksaan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau

kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal, sebagaimana yang dikehendaki untuk disediakan di bawah undang-undang sekuriti atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC; dan

- Melaksanakan tugas atau fungsi lain yang perlu atau sesuai untuk menggalakkan piawaian profesional audit yang tinggi dan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan audit yang diberikan oleh juruaudit berdaftar.

MESYUARAT LEMBAGA AOB

Sebanyak 9 mesyuarat Lembaga AOB telah diadakan pada tahun ini. Korum yang diperlukan adalah 3 orang ahli hadir dan salah seorang dilantik hendaklah sebagai Pegawai Eksekutif.

Rekod kehadiran ahli Lembaga AOB dinyatakan dalam jadual di bawah.

KEHADIRAN DI MESYUARAT LEMBAGA AOB

Ahli Lembaga AOB	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri
Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi Bukan Eksekutif)	9/9
Alex Ooi Thiam Poh (Pegawai Eksekutif)	9/9
Eugene Wong Weng Soon ¹	9/9
Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner ²	1/4
Wong Chong Wah ¹	6/9
Dato' Darawati Hussain	7/9
Hew Ee-Lu	6/9

¹ Mengakhiri tempoh khidmat berkanun dalam Lembaga AOB pada 31 Disember 2019.

² Bersara pada 1 Julai 2019.

Sumber: AOB

JAWATANKUASA AOB


Jawatankuasa Pendaftaran telah ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit dengan AOB. Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa Pendaftaran akan membuat saranan kepada Lembaga AOB untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Pendaftaran:

- Dato' Gumuri Hussain;
- Eugene Wong Weng Soon; dan
- Wong Chong Wah

Pengerusi AOB menguruskan mesyuarat Jawatankuasa dan semasa ketiadaannya, seorang anggota Lembaga AOB yang juga merupakan ahli Jawatankuasa boleh menguruskan mesyuarat tersebut.

STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT


**PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019**

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Aset			
Aset semasa			
Pelbagai penghutang	4	80,596	8,307
Pelaburan lain	5	1,611,517	730,024
Tunai dan baki di bank	6	434,577	382,912
Jumlah aset		<u>2,126,690</u>	<u>1,121,243</u>
Rizab			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	7.1	27,516,438	25,516,438
Defisit terkumpul	7.2	(25,769,937)	(24,444,195)
Jumlah rizab	7	<u>1,746,501</u>	<u>1,072,243</u>
Liabiliti semasa			
Pemiutang lain dan akruan	8	380,189	49,000
Jumlah liabiliti		<u>380,189</u>	<u>49,000</u>
Jumlah rizab dan liabiliti		<u>2,126,690</u>	<u>1,121,243</u>

Nota-nota di muka surat 36 hingga 49 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Syed Zaid Albar

Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Alex Ooi Thiam Poh

Pegawai Eksekutif
Lembaga Pemantauan Audit

Tarikh: 30 Januari 2020

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Yuran pendaftaran		3,098,500	3,130,200
Pendapatan kewangan daripada deposit tetap		75,737	52,476
Penalti		848,000	533,000
		<u>4,022,237</u>	<u>3,715,676</u>
Perbelanjaan operasi			
Perbelanjaan pentadbiran	9	(5,347,979)	(5,518,520)
		<u>(1,325,742)</u>	<u>(1,802,844)</u>
Defisit sebelum cukai			
Perbelanjaan cukai	10	-	-
		<u>(1,325,742)</u>	<u>(1,802,844)</u>
Defisit bagi tahun/Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun		<u><u>(1,325,742)</u></u>	<u><u>(1,802,844)</u></u>

Nota-nota di muka surat 36 hingga 49 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia RM	Defisit terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018	23,516,438	(22,641,351)	875,087
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	2,000,000	-	2,000,000
Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	-	(1,802,844)	(1,802,844)
Pada 31 Disember 2018/1 Januari 2019	25,516,438	(24,444,195)	1,072,243
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	2,000,000	-	2,000,000
Defisit dan jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun	-	(1,325,742)	(1,325,742)
Pada 31 Disember 2019	27,516,438	(25,769,937)	1,746,501
	Nota 7	Nota 7	Nota 7

Nota-nota di muka surat 36 hingga 49 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	2019 RM	2018 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Defisit sebelum cukai	(1,325,742)	(1,802,844)
<i>Pelarasan untuk:</i>		
Pendapatan kewangan	(75,737)	(52,476)
Defisit operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(1,401,479)	(1,855,320)
Perubahan dalam pelbagai penghutang	(62,546)	151,666
Perubahan dalam pelbagai pemiutang dan akruan	331,189	27,000
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi	(1,132,836)	(1,676,654)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Faedah diterima	65,994	52,476
Peningkatan dalam pelaburan lain	(881,493)	(539,691)
Tunai bersih digunakan daripada aktiviti pelaburan	(815,499)	(487,215)
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan		
Dana diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	2,000,000	2,000,000
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti kewangan	2,000,000	2,000,000
Peningkatan/(Penurunan) bersih dalam tunai dan baki di bank	51,665	(163,869)
Tunai dan baki di bank pada 1 Januari	382,912	546,781
Tunai dan baki di bank pada 31 Disember	434,577	382,912

Nota-nota di muka surat 36 hingga 49 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Umum

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam SCMA, iaitu:

- a. Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia,
- b. Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia,
- c. Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti kepentingan awam, dan
- d. Untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan, yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah undang-undang sekuriti, garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kaedah-kaedah bursa saham, oleh suatu:
 - (i) Entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual;
 - (ii) Entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu syarikat awam tersenarai atau suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
 - (iii) Kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu kumpulan wang jadual.

Untuk memudahkan cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana, Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H SCMA. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) SCMA. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

2. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB telah disediakan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS), dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh *Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia* (MASB) belum diguna pakai oleh AOB:

MFRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan ke atas MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan – Definisi Perniagaan*
- Pindaan ke atas MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan* dan MFRS 108, *Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Definisi Material*
- Pindaan ke atas MFRS 9, *Instrumen Kewangan*, MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Pembaharuan ukur rujuk kadar faedah*

MFRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

MFRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi satu tarikh yang belum ditentukan

- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

AOB merancang mengguna pakai piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas yang terpakai dan berkuatkuasa dari tempoh tahunan masing masing bermula pada atau selepas 1 Januari 2020, kecuali MFRS 3 yang tidak berkenaan dengan AOB.

AOB tidak merancang untuk mengadaptasikan MFRS 17, *Kontrak Insurans* yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021 disebabkan ianya tidak berkenaan dengan AOB.

Impak permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang ketara ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum AOB.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan mata wang fungsian bagi AOB.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset-aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengamalan dasar-dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambilkira di dalam penyata kewangan.

3. Dasar-dasar perakaunan utama

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan secara konsisten pada semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini, dan diguna pakai secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Berikutan daripada penggunaan MFRS 16, *Pajakan*, terdapat perubahan kepada dasar-dasar perakaunan diterima pakai ke atas kontrak pajakan dimeterai oleh AOB berbanding dengan yang diterima pakai dalam penyata kewangan terdahulu. Tiada kesan yang ketara kepada penyata kewangan AOB daripada penggunaan MFRS 16 bagi tahun kewangan semasa.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan AOB mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan.

Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 3(c)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan

Kos terlunas

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Mengoffset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan dioffset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengoffset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(b) Tunai dan baki di bank

Tunai dan baki di bank terdiri daripada baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh AOB untuk menguruskan penglibatan jangka pendek. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan baki di bank dinyatakan selepas ditolak deposit terhad, jika ada.

(c) Rosot nilai

Aset kewangan

AOB mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

AOB mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali tunai dan baki di bank yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, AOB menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah AOB dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana AOB terdedah kepada risiko kredit.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, AOB menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila AOB menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur AOB untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

(d) Pajakan

Tahun kewangan semasa

(i) Definisi pajakan

Suatu kontrak adalah, atau mengandungi, suatu pajakan jika kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pembayaran. Untuk menilai sama ada suatu kontrak menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, AOB menilai sama ada:

- Kontrak tersebut melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini boleh dinyatakan dengan khusus sama ada secara jelas atau tidak, dan hendaklah berbeza secara fizikal atau mewakili sebahagian besar keupayaan aset yang berbeza secara fizikal. Jika pembekal mempunyai hak penggantian besar, maka aset itu tidak akan dikenal pasti;
- Sebagai pemajak, AOB mempunyai hak untuk memperoleh sebahagian besar manfaat ekonomi melalui penggunaan aset tersebut sepanjang tempoh penggunaan; dan
- Sebagai pemajak, AOB berhak menentukan penggunaan aset tersebut. AOB mempunyai hak ini apabila ia mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling wajar untuk mengubah kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes-kes yang jarang berlaku di mana keputusan tentang kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan telahpun ditentukan lebih awal, AOB mempunyai hak untuk menentukan penggunaan aset itu jika AOB mempunyai hak untuk mengendalikan aset itu; atau AOB merekacipta aset dengan cara yang menentukan lebih awal kaedah dan tujuan ia akan digunakan.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Sebagai pemajak

AOB telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. AOB mengiktiraf pembayaran yang berkaitan dengan pajakan tersebut sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Tahun kewangan sebelumnya

Sebagai pemajak

Pajakan kendalian

Pajakan, sekiranya AOB tidak menanggung sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kendalian dan, aset yang dipajak tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima telah diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai bahagian yang penting daripada jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan. Sewaan luar jangka dicajkan kepada untung atau rugi dalam tempoh pelaporan di mana ia berlaku.

(e) Pendapatan

(i) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran diiktiraf apabila terakru dalam untung atau rugi.

(ii) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diiktiraf apabila terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam untung atau rugi.

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti dikira bagi amaun yang dijangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(ii) Pelan caruman

Caruman AOB ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa akan datang, jika ada.

(g) Kontingensi

Aset kontingensi

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi suatu aset mungkin berlaku susulan peristiwa lalu dan di mana kewujudan akan disahkan hanya dengan berlakunya atau tidak salah satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang bukan dalam kawalan entiti itu sepenuhnya, aset tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, tetapi dinyatakan sebagai aset luar jangka. Sekiranya aliran masuk manfaat ekonomi adalah hampir pasti, maka aset yang berkaitan adalah diiktiraf.

(h) Ukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

4. Pelbagai penghutang

	2019 RM	2018 RM
Prabayaran	62,546	-
Faedah boleh terima	18,050	8,307
	<u>80,596</u>	<u>8,307</u>

5. Pelaburan lain

Pelaburan lain adalah berkaitan dengan deposit yang diletakkan dengan bank berlesen dengan kematangan asal 6 bulan atau lebih. Deposit yang ditempatkan di dalam bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar 3.05% setahun (2018: antara 3.05% hingga 3.30% setahun).

Deposit daripada penalti adalah terhad untuk digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program bina upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan yang mana RM35,570 (2018: tiada) digunakan semasa tahun kewangan.

6. Tunai dan baki di bank

	2019 RM	2018 RM
Tunai dan baki di bank	434,577	382,912

7. Jumlah rizab

	Nota	2019 RM	2018 RM
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	7.1	27,516,438	25,516,438
Defisit terkumpul	7.2	(25,769,937)	(24,444,195)
Jumlah rizab		1,746,501	1,072,243

7.1 Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

	2019 RM	2018 RM
Sumbangan:		
Pada awal tahun	25,516,438	23,516,438
Tambahan	2,000,000	2,000,000
Pada akhir tahun	27,516,438	25,516,438

7.2 Defisit terkumpul

	2019 RM	2018 RM
Pada awal tahun	(24,444,195)	(22,641,351)
Kerugian bagi tahun	(1,325,742)	(1,802,844)
Pada akhir tahun	(25,769,937)	(24,444,195)

8. Pelbagai pemiutang dan akruan

	2019 RM	2018 RM
Jumlah terhutang kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	63,689	-
Pelbagai pemiutang	144,000	29,000
Akruan	172,500	20,000
	380,189	49,000

9. Perbelanjaan pentadbiran

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	20,000	20,000
Bayaran honorarium	12,180	71,012
Elaun ahli bukan eksekutif	250,000	278,300
Pelbagai caj lain	345,279	398,419
Sewa premis	-	12,835
Sewa peralatan pejabat	9,440	5,528
Kos kakitangan	4,711,080	4,732,426
	<u>5,347,979</u>	<u>5,518,520</u>

10. Perbelanjaan cukai

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 2007. Dengan ini, AOB turut dikecualikan daripada cukai.

11. Pihak berkaitan

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan AOB sekiranya AOB mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana AOB dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti AOB sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill (LHAG) dianggap sebagai pihak berkaitan dengan AOB, di mana ahli lembaga SC juga adalah rakan kongsi LHAG.

Transaksi pihak berkaitan yang utama

Transaksi pihak berkaitan utama AOB ditunjukkan di bawah:

	2019 RM	2018 RM
Pihak berkaitan		
Kos perundangan	(132,500)	-
	<u>(132,500)</u>	<u>-</u>

Baki tertunggak pada 31 Disember 2019 yang timbul daripada urus niaga di atas termasuk dalam Nota 8.

12. Instrumen kewangan

12.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM	AC RM
2019		
Aset kewangan		
Pelbagai penghutang*	18,050	18,050
Pelaburan lain	1,611,517	1,611,517
Tunai dan baki di bank	434,577	434,577
	<u>2,064,144</u>	<u>2,064,144</u>
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	(236,189)	(236,189)
	<u>(236,189)</u>	<u>(236,189)</u>
2018		
Aset kewangan		
Pelbagai penghutang	8,307	8,307
Pelaburan lain	730,024	730,024
Tunai dan baki di bank	382,912	382,912
	<u>1,121,243</u>	<u>1,121,243</u>
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	(20,000)	(20,000)
	<u>(20,000)</u>	<u>(20,000)</u>

* Tidak termasuk instrumen bukan kewangan

12.2 Untung bersih diperoleh daripada instrumen kewangan

	2019 RM	2018 RM
Untung bersih daripada: Aset kewangan pada kos terlunas	<u>75,737</u>	<u>52,476</u>

12.3 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kewangan kecairan sepanjang tempoh operasi normalnya. Oleh sebab AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

12.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada risiko AOB tidak berupaya mematuhi tanggungjawab kewangannya bila sampai tempoh masanya.

AOB, melalui SC, memantau dan mengekalkan tahap tunai dan baki di bank tunai yang dianggap mencukupi untuk membiayai operasi AOB dan menerima sokongan kewangan daripada SC untuk memastikan, sejauh mungkin, bahawa ia akan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila ia memenuhi tempoh.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran kontrak tidak didiskaun.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Bawah 1 tahun RM
2019			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	236,189	236,189	236,189
2018			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	20,000	20,000	20,000

12.5 Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko perubahan dalam harga pasaran yang akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan AOB atau aliran tunainya.

12.5.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2019 RM	2018 RM
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan	1,611,517	730,024

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan AOB tidak menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai di bawah model perakaunan lindung nilai saksama. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan untung atau rugi.

12.6 Nilai saksama

Nilai tunai dan baki di bank, pelbagai penghutang, pelbagai pemiutang dan akruan munasabah nilai saksama oleh sifat jangka pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan.

Hierarki nilai saksama belum dibentangkan kerana tiada instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama atau yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan pada tahun berakhir 31 Disember 2019.

13. Pengurusan dana

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

14. Aset kontingensi

AOB berpendapat bahawa pengiktirafan pendapatan penalti belum diiktiraf ke penyata kewangan, kerana kes ini masih berterusan.

Aset kontingensi

Pada tahun ini, AOB telah mengenakan 3 sekatan terhadap sebuah firma audit dan rakan-rakan kongsinya berjumlah RM631,000 kerana melanggar syarat pendaftaran AOB yang dinyatakan di bawah seksyen 310 (3) SCMA.

Pihak-pihak yang terbabit telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan perundangan terhadap keputusan AOB dan telah diberi penangguhan sementara ke atas semua tindakan yang diambil oleh AOB sehingga pendengaran permohonan yang ditangguhkan ke tarikh yang belum ditetapkan.

15. Pemberian kebenaran penyata kewangan

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pegawai Eksekutif AOB pada 30 Januari 2020.

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Lembaga Pemantauan Audit, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 32 hingga 49 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang bernama di atas **Vignaswaran A/L Kandiah**, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2020.


.....
Vignaswaran A/L Kandiah
Pegawai

Di hadapan saya:


Unit 50-10-1, Tingkat 10
Wisma UOA Damansara
No. 50, Jalan Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2081 3770

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 32 hingga 49.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2019, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa*.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa*. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan* di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada AOB menurut *Undang-undang Kecil (Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil), dan *Kod Etika bagi Akauntan Profesional* (Kod IESBA) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Lembaga Pemantauan Audit (AOB)
*Laporan Juruaudit Bebas untuk tahun
Kewangan Berakhir 31 Disember 2019*

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan AOB yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditetapkan sebagai perlu oleh Ahli-ahli Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan AOB yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan AOB, Ahli-ahli Lembaga bagi SC adalah bertanggungjawab untuk menilai kesinambungan keupayaan AOB sebagai suatu usaha berterusan, mendedahkan sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan kecuali sekiranya Ahli-ahli Lembaga bagi SC berhasrat untuk membubarkan AOB atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik kecuali berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan AOB secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa*, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan AOB, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengenehan secara sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang wajar mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman AOB.

Lembaga Pemantauan Audit (AOB)

*Laporan Juruaudit Bebas untuk tahun
Kewangan Berakhir 31 Disember 2019*

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga bagi SC.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunakan oleh Ahli-ahli Lembaga bagi SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengenengahkan pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan AOB di dalam laporan juruaudit, atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk membuat perubahan terhadap pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan tamatnya kesinambungan AOB sebagai suatu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan AOB, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang membolehkan penyata kewangan tersebut memberi suatu pandangan yang benar dan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga bagi SC, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh pengauditan dan pemerhatian audit yang ketara, termasuk apa-apa kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti ketika audit kami.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebagai satu badan, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Berkanun


Petaling Jaya, Malaysia
Tarikh: 30 Januari 2020



Foong Mun Kong
Nombor Kelulusan: 02613/12/2020 J
Akauntan Berkanun

BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 3 STATISTIK DAN LAIN-LAIN



PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN JURUAUDIT DI MALAYSIA

JADUAL 1

Juruaudit berdaftar dan diiktiraf pada 31 Disember 2019

Profil firma audit	Bil. firma audit	Bil. juruaudit individu	Bil. pelanggan audit PIE	% permodalan pasaran*	Bil. pelanggan audit kumpulan wang jadual	% jumlah nilai aset bersih**
Firma audit berdaftar						
Perkongsian dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit	8	206	899	96.94	1,064	98.52
Perkongsian dengan 5 - 9 rakan kongsi audit	16	73	192	1.78	9	0.04
Perkongsian dengan kurang daripada 5 rakan kongsi audit	15	46	81	1.21	27	1.44
	39	325	1,172	99.94	1,100	100.00
Firma audit asing yang diiktiraf						
	4	12	7	0.06	-	-
JUMLAH	43	337	1,179	100.00	1,100	100.00


Sumber: AOB

*Jumlah modal pasaran pada 31 Disember 2019 adalah RM1.66 trilion.

**Jumlah nilai aset bersih pada 31 Disember 2019 adalah RM636.1 bilion.

CARTA 1


Statistik pendaftaran 5 tahun



Sumber: AOB

CARTA 2

Statistik pengiktirafan 5 tahun



Sumber: AOB

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

No.	Juruaudit	Tindakan yang diambil
Tindakan Terhadap Firma Audit		
1.	UHY (AF 1411) (Firma)	- Selain daripada pelanggan PIE yang sedia ada, Firma adalah dilarang menerima sebarang PIE atau kumpulan wang jadual sebagai pelanggannya atau menyediakan laporan yang berkaitan maklumat kewangan sebarang PIE atau kumpulan wang jadual yang diperlukan di bawah undang-undang atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SC selama 12 bulan. - Menyediakan laporan bertulis kepada AOB mengenai perkara-perkara berikut: - Menilai dan melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan sistem kawalan kualiti Firma adalah relevan, mencukupi dan beroperasi dengan berkesan bagi memantau dan mengurus pematuhan dengan keperluan putaran rakan audit, termasuklah: - Penilaian kapasiti yang diperlukan oleh Firma untuk mematuhi keperluan penggiliran rakan audit; dan - Membina kapasiti dalam Firma. - Melapor kepada AOB dalam tempoh 9 bulan mengenai keputusan penilaian di atas dan pelaksanaan langkah-langkah yang dikenalpasti. - Penalti sebanyak RM298,000.00.
2.	Chengco PLT (AF 0886)	- Dilarang daripada menerima sebagai pelanggan dan mengaudit penyata kewangan PIE atau kumpulan wang jadual selama 12 bulan. - Penalti sebanyak RM175,000.00.

Tindakan Terhadap Juruaudit Individu

3	Loh Chye Teik dari UHY, rakan kongsi tugas dalam pengauditan suatu PLC untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan 31 Disember 2017.	1. Pendaftaran dibatalkan oleh AOB.
4.	Chan Jee Peng dari UHY, rakan kongsi tugas dalam pengauditan suatu PLC untuk tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2015.	1. Penalti sebanyak RM44,000.
5.	Hong Thuan Boon dari Chengco PLT, rakan kongsi tugas dalam pengauditan PLC untuk tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2017.	1. Dilarang menerima sebagai pelanggan dan mengaudit penyata kewangan PIE atau kumpulan wang jadual selama 12 bulan. 2. Penalti sebanyak RM57,000.00.
6.	Liew Kwai Choy dari Chengco PLT, EQCR dalam pengauditan suatu PLC untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.	1. Dilarang menerima sebagai pelanggan dan mengaudit penyata kewangan PIE atau kumpulan wang jadual selama 12 bulan.
7.	Yap Peng Boon dari Chengco PLT, rakan kongsi tugas dalam pengauditan suatu PLC untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.	1. Penalti sebanyak RM44,000.00.
8.	Huang Khean Yeong dari Deloitte PLT, rakan kongsi tugas dalam pengauditan suatu PLC untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.	1. Penalti sebanyak RM63,000.00.

Sumber: AOB

Nota: Tindakan penguatkuasaan AOB berkenaan dengan 1 firma audit dan 4 juruaudit individu sedang menunggu prosiding undang-undang dan oleh itu tidak didedahkan.

AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
ACCA	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
AQI	Petunjuk Kualiti Audit
EQCR	Penyemak Kawalan Kualiti Tugasan
ICAEW	Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
ISA	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan</i>
ISQC	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti</i>
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MFRS	<i>Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia</i>
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
PIE	Entiti berkepentingan awam
PLC	Syarikat awam tersenarai
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>

DEFINISI

Empat firma
audit besar

Deloitte, Ernst & Young, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.

Entiti berkepentingan
awam

Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA:

- (a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham;
- (b) suatu bank yang dilesenkan di bawah *Akta Perkhidmatan Kewangan 2013*;
- (c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah *Akta Perkhidmatan Kewangan 2013*;
- (d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah *Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013*;
- (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah *Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013*;
- (f) suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah Seksyen 212 *Akta Perkhidmatan Kewangan 2013* atau seksyen 223 *Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013*;
- (g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah *Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002*;
- (h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi mengurus niaga dalam sekuriti, derivatif atau pengurusan kumpulan wang;
- (i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti;
- (n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
- (p) Capital Market Compensation Fund Corporation;
- (q) mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Firma Audit Lain	Firma audit selain daripada Firma Audit Utama.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi audit dan mengaudit lebih daripada 50 PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM30 billion.
Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah Seksyen 31O SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual.
Kumpulan Wang Jadual	Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Jadual 1, SCMA: (a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah <i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i> (CMSA); (b) suatu skim unit amanah yang diluluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; dan (c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.

